

**TEKS UCAPAN ALUAN**

**YBHG. PROF. DATUK TS. DR. HAJAH ROZIAH MOHD JANOR  
NAIB CANSOLOR  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA**

**sempena**

**MAJLIS MENANDATANGANI MEMORANDUM  
PERSEFAHAMAN (MoU)**

**antara**

**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA**

**dengan**

**MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN**

**dan**

**MERCHANTRADE ASIA SDN. BHD.**

**26 JANUARI 2023 | KHAMIS | 3:00 PETANG**

**RUANG LEGAR ARAS 7  
CANSELERI TUANKU SYED SIRAJUDDIN  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA**

**Bismillahirrahmanirrahim.**

**Alhamdulillah Robbil 'Aalamiin**

**Wasolaatu Wassalaamu 'Alaa Asyrafil Anbiyaa'i Wal**

**Mursaliin, Wa 'Alaaalihi Wasohbihi Ajma'In.**

**\*(Salutasi Terkini Perlu Dikemaskini Berdasarkan Kehadiran)**

**Yang Berbahagia Dato' Masri bin Haji Razali**

Datuk Bandar, Majlis Bandaraya Seremban

**Yang Berbahagia Tuan Ramasamy K. Veeran**

Pengarah Urusan Merchandize Asia Sdn. Bhd.

**Yang Berbahagia Profesor Dr. Yamin Yasin**

Rektor UiTM Cawangan Negeri Sembilan

**Barisan Jawatankuasa Eksekutif Negeri UiTM Cawangan  
Negeri Sembilan**

**Jawatankuasa Gerak Kerja MoU UiTM Cawangan Negeri  
Sembilan**

**Semua warga UiTM, Majlis Bandaraya Seremban,  
Merchantrade Asia Sdn. Bhd. dan para hadirin yang  
dihormati sekalian.**

***Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan  
salam sejahtera.***

1. Alhamdulillah, syukur kehadiran Ilahi atas limpah kurnia dan izin-Nya, kita dapat bersama-sama di dalam Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman antara UiTm dengan Majlis Bandaraya Seremban dan Merchantrade Asia Sdn. Bhd.

2. Saya mengucapkan selamat datang ke Universiti Teknologi MARA dan ribuan terima kasih kepada Yang Berbahagia Dato' Masri Bin Haji Razali dan Yang Berbahagia Tuan Ramasamy K. Veeran atas kesudian memenuhi undangan kami ke majlis pada hari ini.

3. Pada kesempatan ini, masih belum terlambat untuk saya mengucapkan Selamat Menyambut Tahun Baharu kepada semua. Sama-sama kita doakan agar tahun ini memberikan lebih kejayaan dan rahmat kepada semua. Semoga pada tahun 2023 ini pelbagai kolaborasi yang lebih luas dapat dijalinkan dalam mendukung Pelan Strategik UiTM 2025.

4. Hasrat untuk menjadikan UiTM sebagai Universiti Terkemuka Dunia (G.R.U) telah memberikan banyak peluang kepada kami menjalin kerjasama yang lebih erat dengan organisasi dan agensi luar. Kehadiran tetamu kita dari Majlis Bandaraya Seremban (M.B.S) dan Merchantrade Asia Sdn. Bhd. pada petang ini memberikan petunjuk kepada permulaan yang cemerlang dan komitmen terhadap kerjasama ini.

**Hadirin yang dihormati,**

5. Pembukaan UiTM di seluruh negeri di Malaysia mempunyai manifesti tersendiri. UiTM berdiri teguh untuk memberikan manfaat kepada bukan sahaja pelajar tetapi juga kepada masyarakat setempat. Bersesuaian dengan M.o.U UiTM bersama M.B.S, kerjasama dua hala ini diharapkan dapat mengalakkan aktiviti promosi di sekitar Seremban berkonsepkan *edu-tourism* dalam usaha memperhebatkan tarikan pelancongan di Seremban dan seterusnya menjalinkan hubungan baik bersama komuniti setempat.

6. Melalui kerjasama ini, UiTM Cawangan Negeri Sembilan di bawah pimpinan Yang Berbahagia Profesor Dr. Yamin Yasin telah mengambil inisiatif bersama pihak M.B.S melaksanakan pemindahan ilmu pengetahuan dan kemahiran melangkaui sempadan melalui seni kepada komuniti yang telah memberikan impak kepada tujuan promosi Bandar Seremban.

7. Bertemakan “**Dari Kampus ke Lorong Seni**”, Program Citra Lorong Seni Seremban UiTM@CLAS telah berlangsung dengan jayanya. Pelbagai aktiviti dan program kemasyarakatan telah dilaksanakan sepanjang tiga bulan bermula September hingga Disember 2022 melibatkan 14 jabatan dan fakulti UiTM Cawangan Negeri Sembilan.

**8. Utusan Malaysia** pada Disember yang lalu telah melaporkan hubungan baik UiTM dan M.B.S dalam mempromosikan Bandar Seremban merupakan penutup 2022 yang amat manis bagi kami. Saya percaya tanpa sokongan kuat dari M.B.S, program ini tidak dapat diteruskan dengan sangat baik.

**Para hadirin sekalian,**

9. UiTM juga telah menjalin kerjasama dengan universiti dan organisasi antarabangsa dari Indonesia, Thailand, India, Jepun dan Kanada. Perkongsian dua hala ini memberikan manfaat kepada warga UiTM terutamanya para pelajar. Usaha ini mampu memberikan nilai tambah kepada pelajar dan seterusnya meningkatkan kadar kebolehpasaran graduan.

**10.** Bagi memperkasakan ilmu pengetahuan dalam kalangan pendidik UiTM pula, para akademik digalakkan untuk memanfaatkan MoU antarabangsa dengan mencari peluang mempergiatkan penyelidikan dan latihan bersama penyelidik luar negara. Meningkatkan ilmu dan pengalaman sebagai pensyarah pelawat dan peluang pertukaran kepakaran melalui 'Collaborative Teaching' misalnya bagi manfaat kedua-dua organisasi.

11. Sehubungan itu, dengan terjalinnya MoU UiTM bersama Merchantrade Asia Sdn. Bhd., warga UiTM dapat menikmati pelbagai kemudahan terutamanya dalam pelan pengurusan kewangan digital. Objektif utama ini merangkumi hasrat

untuk mewujudkan portal pengurusan kewangan untuk kegunaan seluruh warga UiTM untuk memudahkan proses pembayaran yuran bagi pelajar antarabangsa, pertukaran mata wang secara digital, pembayaran tanpa tunai di kampus-kampus UiTM dan juga pengeluaran wang tunai di seluruh dunia. Dengan itu, kita dapat memperoleh kemudahan pertukaran mata wang dengan kadar kompetitif, fleksibel, serta urusan mod tanpa tunai yang selesa dan selamat.

**Hadirin sekalian,**

12. Saya amat berharap agar kerjasama yang terjalin antara UiTM dengan M.B.S dan Merchantrade Asia Sdn. Bhd berjalan lancar dan dapat membuahkan hasil yang terbaik bagi kedua-dua pihak demi manfaat kepada semua pada masa kini dan pada masa yang akan datang.

13. Sekali lagi saya merakamkan setinggi penghargaan dan terima kasih kepada M.B.S dan Merchantrade Asia Sdn. Bhd serta seluruh warga UiTM Cawangan Negeri Sembilan atas



usaha yang diberikan bagi memastikan jalinan usahasama ini berjaya.

**Sekian.**

**Wabillahi taufiq walhidayah,**

**Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.**

**Terima kasih.**